



**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENDAFTARAN EJEN &  
KELULUSAN KUOTA PROGRAM VISA PREMIUM (PVIP)  
MALAYSIA**

## 1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:

- 1.1. Syarikat Sendirian Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016.
- 1.2. Mematuhi syarat modal berbayar diterbitkan dan pemilikan ekuiti yang ditetapkan seperti di Lampiran A.
- 1.3. Akaun bank syarikat hanya ditandatangani oleh pemegang saham dan pengarah syarikat sahaja atau mana-mana pegawai syarikat yang dilantik oleh syarikat secara rasmi.
- 1.4. Pemegang Saham tidak mempunyai kepentingan (ekuiti saham) dalam mana-mana syarikat ejen PVIP Malaysia lain yang berlesen.
- 1.5. *Nature of Business* di talian e-Info SSM hendaklah menyatakan perniagaan yang dijalankan adalah bersesuaian dan juga berkaitan dengan PVIP Malaysia dan konsultasi.
- 1.6. Syarikat ejen hendaklah memiliki premis perniagaan yang bersesuaian dan berada di kawasan yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk beroperasi sebagai tempat perniagaan. Syarikat hendaklah mempamerkan papan tanda perniagaan dan mempunyai peralatan pejabat yang lengkap.
- 1.7. Bebas daripada kompaun atau mana-mana kesalahan di bawah undang-undang negara.
- 1.8. Ahli Lembaga Pengarah / Pemegang Saham syarikat bukanlah daripada kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).
- 1.9. Ejen hanya boleh bertindak bagi pihak pelanggan yang telah memberi kuasa secara bertulis untuk mewakili mereka.

## **2. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN**

- 2.1. E-Info SSM yang terkini (tarikh cetakan dokumen sekurang-kurangnya 14 hari dari tarikh permohonan).
- 2.2. Salinan berwarna MyKad (Warganegara Malaysia) bagi Ahli Lembaga Pengarah.
- 2.3. Salinan berwarna Pasport (Bukan Warganegara Malaysia) bagi Ahli Lembaga Pengarah (jika berkaitan).
- 2.4. Senarai atau struktur organisasi syarikat yang lengkap.
- 2.5. Penyata Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).
- 2.6. Maklumat perbankan iaitu muka hadapan penyata akaun semua bank atas nama syarikat yang memohon.
- 2.7. Surat Aku Janji daripada dua (2) orang Pengarah Syarikat seperti di Lampiran B.
- 2.8. Bil elektrik dan bil air premis.
- 2.9. Permohonan hendaklah ditandatangani oleh salah seorang ahli lembaga pengarah/ pemilik atau seorang pegawai pengurusan syarikat yang telah diberi kuasa secara bertulis untuk bertindak bagi pihak ahli lembaga pengarah/ pemilik syarikat tersebut.

## **3. TATACARA PERMOHONAN:**

- 3.1. Mengemukakan permohonan kepada Jabatan Imigresen Malaysia dengan melengkapkan maklumat permohonan berdasarkan senarai dokumen yang diperlukan. Rujuk perenggan 2.
- 3.2. Semua dokumen seperti yang dinyatakan di perenggan 2 hendaklah disertakan dengan lengkap. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.

#### **4. PENDAHULUAN FI PENYERTAAN**

- 4.1. Ejen berdaftar dikehendaki mengemukakan permohonan kuota peserta PVIP Malaysia. Sekiranya pendaftaran sebagai ejen diluluskan, syarikat hendaklah membuat bayaran pendahuluan fi penyertaan sebanyak 10% (RM20,000.00) bagi setiap kuota daripada jumlah nilai fi penyertaan prinsipal (PVIP) Malaysia. Bayaran hendaklah dibuat di atas nama "KETUA PENGARAH IMIGRESEN MALAYSIA".
- 4.2. Bayaran pendahuluan fi penyertaan akan dianggap sebagai sebahagian daripada fi penyertaan. Baki bayaran iaitu sebanyak 90% lagi (RM180,000.00) hendaklah dijelaskan sebelum Pas PVIP Malaysia dikeluarkan.
- 4.3. Bayaran fi yang telah dikemukakan adalah *non refundable*.

#### **5. SYARAT-SYARAT KELULUSAN PERMOHONAN**

- 5.1 Kelulusan sebagai ejen adalah tidak boleh disewa, dijual atau diserahkan kepada mana-mana pihak luar.
- 5.2 Syarikat ejen, ahli lembaga pengarah/ pemilik syarikat, pemegang saham syarikat dan kakitangannya tidak boleh terlibat secara langsung di dalam kegiatan *fraud*, penyelewengan, penyeludupan atau mana-mana salah laku yang bertentangan dengan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa.
- 5.3 Syarikat ejen hendaklah memastikan semua maklumat dan dokumen mengenai peserta PVIP Malaysia adalah sahih, tulen dan disahkan oleh pihak berkuasa berkaitan.
- 5.4 Tempoh sah laku kuota adalah selama tiga (3) tahun. Selepas itu, ejen perlu mengemukakan permohonan baharu.
- 5.5 Setiap kelulusan sebagai ejen adalah bertempoh selama tiga (3) tahun dan perlu diperbaharui sebelum tarikh tamat kelulusan.
- 5.6 Kelulusan pendaftaran ejen yang tidak diperbaharui akan menyebabkan semua transaksi permohonan baharu peserta PVIP Malaysia akan disekat.

- 5.7 Permohonan pembaharuan juga hendaklah dikemukakan tidak lewat dari tempoh 60 hari sebelum tamat kelulusan.

## **6. KEPUTUSAN PERMOHONAN**

- 6.1 Surat keputusan permohonan akan dihantar secara e-mel dan pos kepada syarikat.

## **7. PIAGAM PELANGGAN**

- 7.1 Permohonan lengkap yang dikemukakan akan diproses dalam tempoh 30 hari.
- 7.2 Bagi permohonan yang diluluskan, syarikat ejen hendaklah menjelaskan 10 % pendahuluan fi penyertaan sebelum membuat permohonan untuk peserta dalam tempoh 30 hari. Manakala baki fi penyertaan peserta PVIP Malaysia perlu dijelaskan dalam tempoh 60 hari selepas kelulusan bersyarat dikeluarkan.

## **8. PERUBAHAN MAKLUMAT SYARIKAT**

- 8.1 Syarikat ejen hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Jabatan Imigresen Malaysia dalam tempoh 14 hari sekiranya berlaku sebarang perubahan maklumat syarikat seperti berikut :
- i. pertukaran nama syarikat;
  - ii. pertukaran status perniagaan syarikat;
  - iii. pertukaran alamat premis syarikat; dan
  - iv. penambahan pelantikan atau peletakan jawatan ahli lembaga pengarah, pemilik, pemegang saham dan kakitangan syarikat yang diluluskan untuk berurusan dengan Jabatan.
- 8.2 Senarai dokumen yang diperlukan bagi sebarang permohonan perubahan maklumat syarikat adalah seperti berikut:
- i. surat rasmi syarikat dengan *company letter head* yang ditandatangani oleh salah seorang ahli lembaga pengarah/ pemilik atau seorang kakitangan syarikat yang telah diberi kuasa secara bertulis untuk bertindak bagi pihak ahli lembaga pengarah/ pemilik syarikat tersebut;

- ii. maklumat SSM atau maklumat syarikat yang didaftarkan di bawah peraturan yang berkuatkuasa berkaitan sebelum dan selepas perubahan;
  - iii. salinan penyata bank syarikat bagi tiga (3) bulan yang terkini; dan
  - iv. senarai atau struktur organisasi syarikat yang lengkap.
- 8.3 Syarikat ejen yang didapati gagal memaklumkan perubahan maklumat syarikat dalam tempoh 14 hari dari tarikh perubahan berlaku boleh dikenakan tindakan seperti berikut:
- i. tindakan penggantungan sementara pendaftaran syarikat sehingga kelulusan perubahan maklumat diperolehi; atau
  - ii. tindakan pembatalan, sekiranya perubahan maklumat terkini didapati tidak memenuhi syarat-syarat kelulusan sebagai ejen PVIP.

## **9. PEMBATALAN/ PENAMATAN KELULUSAN SEBAGAI EJEN**

- 9.1 Syarikat ejen boleh memohon untuk membatalkan kelulusan yang telah diberikan dengan memaklumkan secara bertulis kepada Jabatan Imigresen Malaysia.
- 9.2 Syarikat ejen yang tidak mengemukakan permohonan pembaharuan sebelum tarikh tamat kelulusan akan dianggap tidak lagi berminat untuk meneruskan pendaftaran sebagai ejen PVIP Malaysia. Syarikat ejen tidak lagi dibenarkan memohon kuota dan mengemukakan permohonan bagi menyertai PVIP Malaysia.

## **10. TINDAKAN SALAH LAKU OLEH EJEN**

- 10.1 Tindakan berikut boleh dikenakan ke atas Syarikat ejen sekiranya didapati gagal mematuhi syarat-syarat kelulusan, perundangan dan prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan ataupun terlibat secara langsung dalam kegiatan seperti dinyatakan di perenggan 5.2.

- 10.2 Tindakan yang boleh dikenakan ke atas Syarikat ejen adalah seperti berikut :
- i. amaran;
  - ii. pembatalan kelulusan sebagai ejen;
  - iii. pemendekan tempoh kelulusan pendaftaran;
  - iv. penggantungan sementara kelulusan pendaftaran;
  - v. syarikat ejen, ahli lembaga pengarah, kakitangan disenarai hitamkan; dan
  - vi. tindakan pendakwaan di mahkamah.
- 10.3 Kelulusan sebagai ejen boleh ditarik balik atau dibatalkan pada bila-bila masa sekiranya melanggar syarat-syarat pelantikan ejen PVIP Malaysia dan mana-mana peraturan atau perundangan negara yang berkuatkuasa.
- 10.4 Syarikat ejen boleh mengemukakan rayuan secara bertulis dalam tempoh 30 hari dari tarikh tindakan diambil ke atasnya.

## **11. TARIKH KUAT KUASA:**

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2022.

**SYARAT-SYARAT PEGANGAN SAHAM, PEMILIKAN EKUITI DAN MODAL BERBAYAR SYARIKAT PERNIAGAAN PENGENDALIAN PROGRAM VISA PREMIUM (PVIP) MALAYSIA**

<b>BIL.</b>	<b>JENIS PERNIAGAAN</b>	<b>PEMEGANG SAHAM</b>	<b>PEMILIKAN EKUITI PEGANGAN SAHAM (MAKSIMA)</b>	<b>MODAL BERBAYAR DITERBITKAN (MINIMA)</b>
1.	Perniagaan Pengendalian Program Visa Premium (PVIP) Malaysia	Warganegara & Bukan Warganegara	Warganegara: 51% (minimum)  Bukan warganegara 49% (maksimum)	RM1,000,000.00

**Nota:** Bagi tempoh permulaan bermula 1 Oktober 2022 hingga 31 Disember 2022, syarat *nature of business* (NOB) e-info SSM adalah diberi kelonggaran. Walau bagaimanapun, mulai 1 Januari 2023, pendaftaran perniagaan pengendalian PVIP Malaysia ini adalah diwajibkan.